



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/11/17 \_58 (HQ)

### TNB TANGGUNG KOS RAWATAN MANGSA LECUR

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** amat bersimpati terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun yang terkena percikan arka di pencawang elektrik (PE) Sri Bayu Bayan Lepas, Pulau Pinang, petang semalam.

Kami akan menyalurkan segala bantuan termasuk bagi menanggung kos rawatan dan perubatan yang diperlukan agar mangsa mendapat rawatan yang terbaik.

Wakil Pengurusan TNB telah pun menyantuni ibu bapa mangsa di Hospital Besar Pulau Pinang hari ini. Dalam lawatan itu, Head of Zone Asset, TNB Pulau Pinang, Ir. Anan Eyam turut menyampaikan bantuan pendahuluan segera kepada keluarga mangsa bagi meringankan beban mereka.

Mangsa yang melecur anggota badan sedang dirawat di bilik isolasi, Unit Rawatan Rapi (ICU), di hospital berkenaan.

Susulan kejadian itu, TNB bekerjasama dengan pihak PDRM dan Suruhanjaya Tenaga bagi membantu siasatan dan TNB sendiri telah menubuhkan pasukan siasatan dalam selaras dasar operasi syarikat yang memberi keutamaan kepada keselamatan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 17 November 2023, jam 8:00 malam**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

S.A. 2023/11/17\_58 (HQ)



Head of Zone Asset, TNB Pulau Pinang, Ir. Anan Eyam (kanan) mewakili TNB menyampaikan sumbangan ihsan kepada Mohd Khairi Abdul Ghani, bapa kepada mangsa percikan arka (dua dari kanan) di Hospital Pulau Pinang hari ini.